KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## LAPORAN HARIAN AHAD, 12 JANUARI 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS

MALAYSIA MADANI

12/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 1 | **BAYI MAUT: ADA UNSUR CUAI, DUA PENGASUH JAGA 25 KANAK-KANAK** | | **NEGATIF** |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/01/11/bayi-maut-pengasuh-didapati-cuai-tinggal-mangsa-tanpa-pemantauan/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/unsur-kecuaian-punca-bayi-4-bulan-maut-di-taska-polis/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2381446 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1175253/bayi-maut-di-taska-ada-unsur-abai-dan-kecuaian-6-individu-diambil | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1347759/unsur-kecuaian-punca-bayi-empat-bulan-mati-di-taska-polis | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wujud-unsur-kecuaian-pengasuh-taska-tinggal-bayi-tanpa-pemantauan-polis-504099 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://majoriti.com.my/berita/2025/01/11/polis-sahkan-ada-unsur-kecuaian-pengabaian-sebab-kematian-bayi-4-bulan-di-taska-saujana-bandar-putra | MAJORITI.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/706554/berita/jenayah/bayi-4-bulan-maut-ada-unsur-cuai-pengabaian-pengasuh---polis | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1159353/cops-confirm-negligence-babys-death-unlicensed-nursery | NST.COM.MY | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/01/11/cops-confirm-possible-neglect-leading-to-death-of-baby-at-nursery/ | FREEMALAYSIATODAY.COM | |
| | https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2025/01/11/bayi-4-bulan-maut-di-taska-ada-unsur-cuai-abai | MSTAR.COM.MY | |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/11/cops-interrogate-six-people-in-dead-baby-probe | THESTAR.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/jenayah/2025/01/pengasuh-dipercayai-tinggal-bayi-dalam-tempoh-lama/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://malaysiagazette.com/2025/01/11/mangsa-ditinggalkan-pengasuh-dalam-tempoh-yang-lama-polis/ | MALAYSIAGAZETTE.COM | |

12/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 2 | **BAYI MAUT DI TASKA: EXCO SARAN IBU BAPA RUJUK JKM, DAPATKAN KAUNSELING PERCUMA** | | **POSITIF** |
| | https://selangorkini.my/2025/01/bayi-maut-di-taska-exco-saran-ibu-bapa-rujuk-jkm-dapatkan-kaunseling-percuma/ | SELANGORKINI.MY | |
| | https://selangorjournal.my/2025/01/babys-sudden-death-exco-advises-parents-to-refer-to-social-welfare-dept-get-free-counselling/ | SELANGORJOURNAL.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 3 | **PAWE KAMPUNG TRADISIONAL BERA BAKAL DIBUKA UNTUK ORANG RAMAI DALAM MASA TERDEKAT** | | **POSITIF** |
| | https://pahangmedia.my/archives/44492 | PAHANGMEDIA.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 4 | **TERIMA KASIH SUDI 'JENGUK' KAMI** | | **POSITIF** |
| | https://www.melakahariini.my/terima-kasih-sudi-jenguk-kami/ | MELAKAHARIINI.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 5 | **GALAK PASANGAN TAMBAH ZURIAT** | | **POSITIF** |
| | https://suarasarawak.my/galak-pasangan-tambah-zuriat/ | SUARASARAWAK.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 6 | **KANAK-KANAK MAUT DIDERA IBU, TEMAN LELAKI** | | **NEGATIF** |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/01/11/kanak-kanak-maut-didera-ibu-teman-lelaki/ | KOSMO.COM.MY | |




12/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 7 | **KANAK-KANAK AUTISTIK TUJUH TAHUN DITEMUKAN LEMAS DI SUNGAI KEDAH** | | **NEGATIF** |
| | https://bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2381445 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-autistik-dilapor-hilang-ditemui-lemas-di-sungai-kedah-504095 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kanak-kanak-autistik-dilaporkan-hilang-ditemukan-lemas | BERITA.RTM.GOV.MY | |
| | https://siakapkeli.my/2025/01/11/kanak-kanak-autistik-tujuh-tahun-ditemukan-lemas-di-sungai-kedah/ | SIAKAPKELI.MY | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=KkseX0i2uR4 | YOUTUBE | |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-autisme-hilang-ditemukan-lemas-di-sungai-kedah/ | BULETINTV3.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/kanak-kanak-autisme-hilang-ditemukan-lemas/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1175251/kanak-kanak-autisme-dilaporkan-hilang-semalam-ditemukan-lemas-pagi-tadi | HMETRO.COM.MY | |

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 8 | **POLIS MOHON BANTUAN KESAN IBU MUDA BERSAMA BAYI DILAPORKAN HILANG** | | **NEGATIF** |
| | https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2381512 | BERNAMA.COM | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1347961/nurul-asmiera-hilang-bersama-bayi-pada-awal-pagi | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/ibu-muda-bersama-bayi-perempuan-berusia-dua-bulan-hilang/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/706594/berita/semasa/ibu-muda-bersama-bayi-berusia-dua-bulan-hilang | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1175423/ibu-muda-hilang-bersama-bayi-berusia-dua-bulan | HMETRO.COM.MY | |
| | https://www.kosmo.com.my/2025/01/11/ibu-muda-bersama-bayi-dua-bulan-hilang/ | KOSMO.COM.MY | |
| | https://thesun.my/malaysia-news/police-seek-public-help-to-locate-missing-mother-and-baby-AH13506547 | THESUN.MY | |

12/1/2025

| BIL | PERKARA | SUMBER | SENTIMEN |
|---|---|---|---|
| 9 | **REMAJA 15 TAHUN HAMIL DIROGOL KENALAN LELAKI** | | **NEGATIF** |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1347931/remaja-15-tahun-hamil-dirogol-kenalan-lelaki | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/706614/berita/semasa/remaja-15-tahun-hamil-diperkosa-teman-lelaki#google_vignette | SINARHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2025/01/polis-buru-pemuda-rogol-remaja-15-tahun-hingga-hamil/ | UTUSAN.COM.MY | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/01/1347991/polis-buru-pemuda-rogol-gadis-bawah-umur-hingga-hamil | BHARIAN.COM.MY | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-buru-pemuda-rogol-gadis-bawah-umur-hingga-hamil-504146 | ASTROAWANI.COM | |
| | https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/01/1159471/girl-14-pregnant-after-alleged-rape-boyfriend | NST.COM.MY | |

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## LAPORAN ANALITIK HARIAN
## AHAD, 12 JANUARI 2025



JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN TAGS




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL

## PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI




## PECAHAN RANGKUMAN BERDASARKAN KATEGORI






# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA TRADISIONAL




## LIPUTAN BERDASARKAN JENIS MEDIA




## LIPUTAN BERDASARKAN BAHASA MEDIA




## LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN




## PEMPENGARUH MEDIA UTAMA

| TAJUK BERITA | JUMLAH LIPUTAN |
|---|---|
| Bayi maut di taska ada unsur abai dan kecuaian, 6 individu diambil keterangan | 14 |
| Kanak-kanak autisme dilaporkan hilang semalam, ditemukan lemas pagi tadi | 8 |
| Ibu muda hilang bersama bayi berusia dua bulan | 7 |

## TAJUK BERITA UTAMA




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL




**LIPUTAN BERDASARKAN PLATFORM MEDIA SOSIAL**




**LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN**




**PEMPENGARUH UTAMA/KOL**

| TAJUK BERITA | JUMLAH LIPUTAN |
|---|---|
| Jasad seorang kanak-kanak lelaki autistik berusia tujuh tahun yang dikhuatiri hilang ditemui lemas di Sungai Kedah. | 5 |
| Majikan diseru menggaji pekerja OKU, manfaat insentif dana kerjaya Menerusi Belanjawan 2025, majikan yang mengambil OKU dan bekas banduan bekerja di bawah inisiatif Daya Kerjaya 3.0 menerima insentif RM600 sebulan selama tiga bulan di bawah seliaan PERKESO. | 4 |
| Jumlah mangsa terus meningkat di Johor selepas Johor Bahru menjadi daerah terkini dilanda bencana alam itu. Menurut laman web Info Bencana Jabatan Kebajikan | 1 |

**TAJUK TOPIK UTAMA**




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA SOSIAL

## FRASA PALING POPULAR

trend yang sedang meningkat dalam mesej berkaitan topik




| | Most used in current period | Popularity change | Popularity score |
|---|---|---|---|
| 1 | kanak kanak | -30.3% ↓ | 100 |
| 2 | kuala lumpur | -16.9% ↓ | 59 |
| 3 | ketua polis | -24.8% ↓ | 48 |
| 4 | kira kira | NEW | 39 |
| 5 | polis daerah | -27.4% ↓ | 38 |

| | Most used in previous period | Popularity score |
|---|---|---|
| 1 | kanak kanak | 100 |
| 2 | kuala lumpur | 50 |
| 3 | media sosial | 46 |
| 4 | ketua polis | 45 |
| 5 | warga emas | 37 |

## HASHTAG PALING POPULAR

mesej dalam perbincangan dengan menggunakan hashtag yang relevan.




| | Most used in current period | Popularity change | Popularity score |
|---|---|---|---|
| 1 | #awaninews | 85.7% ↑ | 100 |
| 2 | #awani745 | 316.7% ↑ | 65 |
| 3 | #malaysiagazette | 54.5% ↑ | 44 |
| 4 | #icymi | 225.0% ↑ | 34 |
| 5 | #sinarplus | NEW | 31 |

| | Most used in previous period | Popularity score |
|---|---|---|
| 1 | #awaninews | 100 |
| 2 | #sinarharian | 67 |
| 3 | #fmtnews | 58 |
| 4 | #fmtberita | 53 |
| 5 | #malaysiagazette | 53 |




# LIPUTAN KESELURUHAN MEDIA

## METRIK UTAMA

| Mentions | Impressions | Interactions | Avg. influence score | Opinion leaders |
|---|---|---|---|---|
| 863 ↓ | 41.35M ↓ | 57.29k ↓ | 5.5/10 ↑ | 154 ↓ |
| 32.74% less than in previous period | -7.56% less than in previous period | -36.32% less than in previous period | 10.91% more than in previous period | -28.04% less than in previous peri |

## LIPUTAN PECAHAN SENTIMEN




**Net sentiment**

This is -3 points compared to the previous period.

**Analyzed 863 mentions**

- 253 with positive sentiment
- 210 with neutral sentiment
- 400 with negative sentiment




**Mostly negative**

The majority of conversations about this topic have negative sentiment.

## SUSURMASA LIPUTAN - ISU ISU SEMASA



# ANALISIS LIPUTAN MEDIA - AGENSI

## TOPIK UTAMA

**REMAJA 15 TAHUN HAMIL DIROGOL KENALAN LELAKI**

LIPUTAN BERITA

- SUBANG JAYA: Seorang remaja perempuan mengandung 10 minggu selepas disyaki menjadi mangsa rogol kenalan lelakinya di kediaman suspek hujung tahun lalu.
- Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat, berkata pihaknya menerima laporan polis dibuat doktor yang merawat mangsa berusia 15 tahun itu pada jam 12.12 tengah malam tadi.
- Beliau berkata, mangsa disahkan mengandung 10 minggu selepas disyaki dirogol oleh kenalan lelakinya.
- "Siasatan awal mendapati, mangsa berkenalan dengan suspek berusia 20-an sejak November tahun lalu.
- "Bermula daripada perkenalan itu, mereka melakukan hubungan seks di rumah suspek," katanya dalam kenyataan hari ini.
- Wan Azlan berkata, siasatan dijalankan mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan dan suspek sedang dikesan.
- "Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian ini boleh tampil ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya untuk membantu siasatan.
- "Jika terdapat sebarang maklumat berkaitan kejadian boleh berhubung dengan Inspektor Vanitha T Balakrishnan di talian 017-2229832 atau 03-7862 7222," katanya.

**CADANGAN**

Pendidikan Seksual di Sekolah dengan meningkatkan pendidikan seksual yang menyeluruh dan sesuai umur untuk pelajar sekolah, termasuk cara mengenal pasti risiko dan melindungi diri daripada eksploitasi. Pihak KPWKM dan JKM perlu mengambil langkah komprehensif untuk mencegah, melindungi, dan menyokong mangsa jenayah seksual seperti yang dilaporkan dalam artikel. Langkah ini bukan sahaja akan memastikan keadilan untuk mangsa tetapi juga mencegah kes-kes serupa daripada berulang di masa hadapan.

**TINDAKAN**

- **KPWKM**
- **JKM**




Foto hiasan

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEMATIAN BAYI 4 BULAN DI TASKA ADA UNSUR PENGABAIAN, KECUAIAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 12 JAN 2025 | M/SURAT | : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kematian bayi 4 bulan di taska ada unsur pengabaian, kecuaian

**Shah Alam:** Polis mengesan unsur kecuaian yang menyebabkan kematian bayi lelaki berusia empat bulan dalam kejadian di taska dekat Bandar Saujana Putra, Kuala Langat, minggu lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Mohd Akmalrizal Radzi, berkata susulan itu, pihaknya sudah mengambil keterangan enam individu, termasuk suspek yang juga pengasuh di taska terbabit.

Beliau berkata, pihaknya masih menunggu keputusan analisis makmal terhadap punca kematian mangsa bagi membantu siasatan.

"Siasatan masih berjalan dan setakat ini terdapat unsur kecuaian atau pengabaian oleh pengasuh kerana meninggalkan mangsa dalam tempoh masa yang lama tanpa pemantauan," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut katanya, kertas siasatan sudah dirujuk ke Bahagian D5 (Pendakwaan/Undang-Undang) Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Selangor.

"Terdapat beberapa arahan yang perlu diambil tindakan sebelum kertas siasatan dirujuk ke Timbalan Pendakwa Raya," katanya.

## Taska tak berlesen

Sebelum ini, media melaporkan, bayi lelaki berusia empat bulan meninggal dunia selepas dihantar ke sebuah taska di Bandar Saujana Putra di Jumaat, minggu lalu.

Mohd Akmalrizal dilaporkan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan kira-kira jam 3.29 petang daripada seorang doktor sebuah klinik dengan bayi itu dibawa seorang pengasuh taska dalam keadaan pucat kebiruan pada bibir dan kaki, tiada nadi serta nafas, selain tiada pergerakan anak mata.

Katanya, siasatan juga mendapati taska berkenaan tidak berlesen dan dalam proses permohonan.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, Azmir Kassim, berkata taska di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat yang dipercayai terbabit dalam kes kematian seorang bayi lelaki itu diarahkan tutup pada Selasa, 7 Januari lalu.

> Pihak kami masih menunggu keputusan analisis makmal terhadap punca kematian mangsa bagi membantu siasatan



*Mohd Akmalrizal Radzi,*
*Ketua Polis Daerah Kuala Langat*



| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KEMATIAN BAYI DI TASKA ADA UNSUR CUAI | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 12 JAN 2025 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kematian bayi di taska ada unsur cuai

**Shah Alam:** Polis mengesahkan terdapat unsur kecuaian yang menyebabkan kematian bayi lelaki berusia empat bulan di sebuah taska di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat pada 3 Januari lalu.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat Superintendan Mohd Akmalrizal Radzi berkata, sehingga kini pihaknya masih menunggu keputusan analisis makmal.

"Siasatan masih berjalan dan setakat ini terdapat unsur kecuaian dan pengabaian pengasuh kerana meninggalkan mangsa dalam tempoh masa yang lama tanpa pemantauan.

"Setakat ini polis sudah mengambil keterangan enam individu termasuk suspek (pengasuh)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Katanya, kertas siasatan sudah dirujuk ke Bahagian D5 (Pendakwaan/Undang-Undang) Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor.

"Terdapat beberapa arahan yang perlu diambil tindakan sebelum kertas siasatan dirujuk ke Timbalan Pendakwa Raya," katanya.

> *Siasatan masih berjalan dan setakat ini terdapat unsur kecuaian dan pengabaian pengasuh kerana meninggalkan mangsa dalam tempoh masa yang lama tanpa pemantauan"*
>
> **Mohd Akmalrizal Radzi**

Sebelum ini, media melaporkan, bayi lelaki berusia empat bulan meninggal dunia selepas dihantar ke sebuah taska di Bandar Saujana Putra, 3 Januari minggu lalu.

Polis menerima panggilan kecemasan jam 3.29 petang daripada seorang doktor sebuah klinik memaklumkan bayi itu dibawa pengasuh taska dalam keadaan pucat kebiruan pada bibir dan kaki, tiada nadi serta nafas selain tiada pergerakan anak mata bila disuluh lampu.

Siasatan mendapati taska berkenaan tidak berlesen dan dalam proses permohonan.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'BABY DIED AT NURSERY DUE TO NEGLIGENCE' | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 12 JAN 2025 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

UNREGISTERED CHILDCARE FACILITY

# 'BABY DIED AT NURSERY DUE TO NEGLIGENCE'

## 4-month-old left alone by babysitter for extended period, say police

RUWAIDA MD ZAIN
**KUALA LANGAT**
news@nst.com.my

POLICE have confirmed negligence in the death of a 4-month-old baby at an unlicensed nursery in Bandar Saujana Putra here last week.

"We have found that there was negligence on the part of the babysitter, as the child was left alone for an extended period,"



*Mohd Akmalrizal Radzi*

said district police chief Superintendent Mohd Akmalrizal Radzi in a statement.

He said investigations were ongoing and police were waiting for the results of laboratory analysis.

"We have also recorded statements from six people, including the suspect (babysitter)," he said, adding that the investigation file would be handed over to the Deputy Public Prosecutor's Office upon completion.

It was previously reported that police received a distress call from a clinic doctor that a lifeless baby had been brought in on Jan 3. The baby was pale, with blue lips and feet.

The case is being investigated under Section 31(1)(a) of the Child Act for neglect leading to danger, an offence punishable by up to 10 years in prison, a fine of up to RM20,000, or both.

State Welfare Department director Azmir Kassim said the nursery had been ordered shut on Tuesday.

# Bayi maut: Ada unsur cuai, dua pengasuh jaga 25 kanak-kanak

Oleh MOHD YUNUS YAKKUB   11 Januari 2025, 11:29 am




Tangkapan layar luahan wanita dipercayai ibu bayi tersebut di aplikasi X.

KUALA LANGAT – Wujud unsur kecuaian yang membawa kematian bayi lelaki berusia empat bulan di Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) haram di Bandar Saujana Putra, di sini, baru-baru ini.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendan Akmalrizal Radzi berkata, siasatan awal mendapati kecuaian atau pengabaian pengasuh adalah meninggalkan mangsa dalam tempoh lama tanpa pemantauan sewajarnya.

Katanya, setakat ini enam individu telah diambil keterangan termasuk dari suspek iaitu pengasuh.

"Siasatan masih berjalan dan setakat ini terdapat unsur kecuaian pengabaian pengasuh kerana meninggalkan mangsa dalam tempoh masa yang lama tanpa pemantauan.

"Kita juga dalam proses untuk melakukan tangkapan terhadap suspek," katanya ketika dihubungi hari ini.

Beliau menjelaskan, pihaknya masih menunggu keputusan makmal bagi mengetahui punca kematian bayi berkenaan.

Tambahnya, kertas siasatan kes telah telah dirujuk kepada Bahagian D5 (Pendakwaan / Undang-Undang) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor.

"Terdapat beberapa arahan yang perlu diambil tindakan sebelum kertas siasatan dirujuk ke Timbalan Pendakwa Raya," tegasnya.

Kosmo! semalam melaporkan taska haram yang terkait dengan kematian bayi itu didapati tidak mematuhi nisbah ditetapkan di bawah Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Selangor, Azmir Kassim berkata, siasatan pihaknya mendapati hanya terdapat dua pengasuh yang menjaga 25 anak asuhan.

Malah, hanya seorang daripada dua pengasuh mempunyai sijil tersebut dengan masingmasing berusia 20-an.

Sebelum ini, seorang bayi lelaki berusia empat bulan maut selepas dihantar ke sebuah taska tidak berlesen di Bandar Saujana Putra di sini pada 3 Januari lalu.

Polis menerima panggilan mengenai kejadian itu pada pukul 3.29 petang daripada seorang doktor sebuah klinik di Bandar Saujana Putra.

Berdasarkan laporan, doktor berkenaan telah menerima bayi lelaki itu yang dibawa seorang pengasuh taska dalam keadaan
pucat, kebiruan pada bibir dan kaki, tiada nadi serta nafas.

Susulan itu, arahan penutupan dan penyitaan telah dibuat Jabatan Kebajikan Masyarakat terhadap premis itu. – KOSMO! ONLINE



EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari (tengah) diiringi wakil rakyat Subang Jaya Michelle Ng Mei Sze menziarahi keluarga bayi empat bulan yang meninggal dunia di sebuah taska di Bandar Saujana Putra, Kuala Langat pada 10 Januari 2025. Foto Pejabat EXCO Kebajikan Masyarakat

# Bayi maut di taska: EXCO saran ibu bapa rujuk JKM, dapatkan kaunseling percuma

by Siti Rohaizah Zainal January 11, 2025 **12:33 pm**

SHAH ALAM, 11 JAN: Ibu bapa bayi lelaki berusia empat bulan yang meninggal dunia di sebuah taman asuhan kanak-kanak (Taska) di Bandar Saujana Putra minggu lalu disaran mendapatkan perkhidmatan kauseling.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari berkata pasangan suami isteri itu boleh mendapatkan perkhidmatan itu secara percuma di pejabat kebajikan masyarakat daerah oleh kaunselor bertauliah.

"Semalam kita ziarah keluarga berkenaan dan ibu bayi terbabit masih emosi kerana terkesan dengan kejadian itu.

"Kita sudah maklumkan bahawa mereka boleh dapatkan khidmat kaunseling secara percuma disediakan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Kaunselor yang hadir ketika ziarah juga telah mengambil nombor telefon untuk menghubungi mereka," katanya ketika dihubungi Selangorkini.

Sebelum ini, ketua polis daerah Kuala Langat memaklumkan menerima laporan daripada seorang doktor memaklumkan bayi itu tidak sedarkan diri ketika dibawa pengasuh taska tersebut pada

Menurut Supritendan Mohd Akmalrizal Radzi, bayi berkenaan tiba dalam keadaan pucat, bibir dan kaki kebiruan, tanpa nafas serta tiada tindak balas pada anak mata.
Bayi tersebut dihantar ke Hospital Putrajaya dan disahkan meninggal dunia pada 5.05 petang dengan kertas siasatan dibuka bawah Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2011.

Tambal Anfaal, taska tersebut masih ditutup sejak Isnin lalu dan tidak dibenarkan beroperasi sehingga siasatan polis selesai.

"Setakat ini, dimaklumkan polis telah merekodkan keterangan daripada pengusaha, guru-guru dan mengambil rakaman kamera litar tertutup," katanya.

# PAWE KAMPUNG TRADISIONAL BERA BAKAL DIBUKA UNTUK ORANG RAMAI DALAM MASA TERDEKAT

11 January, 2025



*Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB Dato' Sabariah Saidan berkata ketika hadir menyempurnakan majlis pra-pelancaran Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kampung Tradisional Bera, di sini hari ini.*

Oleh : Norhafizan Zulkifli

BERA, 11 JANUARI 2025 : Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Kampung Tradisional Bera yang terletak di Kampung Batu Papan, di sini akan dibuka secara rasmi untuk kegunaan orang ramai dalam masa terdekat.

Exco Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga Negeri Pahang, YB Dato' Sabariah Saidan berkata, PAWE berkenaan bakal dimanfaatkan tidak hanya untuk penduduk Kampung Batu Papan, malah juga penduduk kampung tradisional sekitarnya.



Katanya, pusat berkenaan merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan negeri untuk menyediakan kemudahan khas bagi kesejahteraan warga emas di kawasan itu.

"Ini bukan pembukaan rasmi, tetapi pra pembukaan untuk kita lihat apa lagi yang tidak cukup.

"Kita akan pastikan semuanya lengkap sebelum perasmian. InshaAllah, majlis perasmian akan diumumkan dalam masa terdekat," katanya ketika hadir menyempurnakan majlis pra-pelancaran pusat berkenaan, di sini hari ini.



Majlis turut dihadiri Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pahang, Encik Khairul Amri Ahmad dan barisan pimpinan setempat.

Tambahnya, pusat terbabit dilengkapi dengan kemudahan seperti perabot, kerusi urut, serta dapur untuk menyokong pelbagai aktiviti bagi golongan warga emas.

"Pelbagai aktiviti yang boleh dijalankan dan dimanfaatkan oleh masyarakat kampung tradisional di sekitar apabila ia mula dibuka nanti," ujarnya. -PAHANGMEDIA



KALSOM ketika menziarahi Minhad di Kampung Nelayan, Kuala Linggi. Turut bersama Timbalan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Leng Chau Yen. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

# TERIMA KASIH SUDI 'JENGUK' KAMI

NORAFIQAH JAMAL
SABTU, 11 JANUARI 2025 @ 12:00

KUALA LINGGI 11 Januari – Ucapan terima kasih tidak terhingga antara kalimat yang diungkapkan penerima bantuan kebajikan yang diziarahi Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Datuk Kalsom Noordin.

Kalsom sempat mengunjungi lima rumah pesakit kronik yang menerima bantuan kebajikan dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi bersempena Program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (W.R.U.R).

Menurut seorang warga emas, Borhan Kasim, 72, dia bersyukur Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonannya yang memerlukan lampin pakai buang selepas disahkan menghidap kanser prostat.

"Terima kasih Kerajaan Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) serta agensi berkaitan meluluskan permohonan saya untuk menerima lampin pakai buang setiap bulan.

"Saya harap program turun padang ini wajar diteruskan, terima kasih sudi 'jenguk' kami," katanya yang turut menerima Bantuan Warga Emas.

Borhan yang turut menghidap penyakit Asma kini masih mendapatkan rawatan susulan tiga bulan sekali di Hospital Port Dickson.

Menurutnya, dia terpaksa memakai lampin pakai buang kerana mengalami masalah pundi kencing lemah.



KALSOM menyampaikan sumbangan kepada Borhan pada ziarah kasih bersempena program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (W.R.U.R). Foto Muhammad Rasul Azli Samad

Sementara itu, seorang lagi penerima sumbangan, Minhad Kamarudin, 57, yang terlantar akibat angin ahmar sejak sebulan lalu turut terharu apabila menerima kunjungan tidak disangka-sangka daripada pemimpin negeri.

Dia yang menumpang di rumah bapa saudaranya di Kampung Nelayan masih mendapatkan rawatan susulan di Klinik Kesihatan Kuala Linggi, selain memerlukan perawat datang ke rumah secara berkala dua minggu sekali.

"Hanya ucapan terima kasih dapat saya ungkapkan kerana sudi datang ziarah dan menyampaikan sumbangan," ujarnya.

Minhad merupakan penerima baharu di mana permohonan lampin pakai buang dan bantuan susunya juga telah diluluskan JKM Negeri Melaka.



*Foto: Freepik.com*

## Galak pasangan tambah zuriat

Afiezul Samit

**MENURUT** statistik demografi terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar kelahiran hidup di Malaysia merosot sebanyak 12.3 peratus kepada 100,645 pada suku ketiga 2024 berbanding 114,764 kelahiran pada tempoh sama tahun sebelumnya.

Dalam konteks ini, Malaysia sedang mendepani perubahan demografi yang ketara, dikaitkan dengan penurunan berterusan kadar kesuburan rakyatnya.

Kadar kesuburan keseluruhan (TFR) menunjukkan penurunan daripada 2.1 anak bagi setiap wanita berusia 15 hingga 49 tahun pada 2010 kepada 1.7 pada 2023, jauh di bawah paras penggantian, iaitu 2.1 orang anak.

Antara faktor yang sering dikaitkan adalah berkaitan kadar kesuburan pasangan tersebut.

Menurut data Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) pula, 60 peratus analisis sperma yang dilakukan bagi tempoh 2010 dan 2019 menunjukkan keabnomalan, mengetengahkan peningkatan ketara isu kesuburan dalam kalangan pasangan rakyat Malaysia.

Isu kesuburan sering kali memerlukan intervensi perubatan yang bukan sahaja menelan belanja besar, tetapi juga memberi kesan kepada emosi dan menambahkan tekanan kepada pasangan yang sedang berusaha untuk hamil.

Ia juga merupakan isu global dengan ketidaksuburan menjejaskan satu daripada enam pasangan.

Situasi ini seolah-olah biasa didengari — pasangan yang lama berkahwin dan masih berusaha untuk mendapatkan zuriat.

**LAMBAT KAHWIN**

Faktor seterusnya yang menyumbang kepada isu ini adalah kelewatan berkahwin. Ada yang belum berjumpa jodoh dan ada yang sengaja melewatkan perkahwinan. Ini kerana, ada pasangan yang mengutamakan pendidikan dan kerjaya dengan alasan untuk mengejar kestabilan kewangan.

Ia juga dilihat sebagai keperluan untuk pencapaian diri sendiri sebelum memberi komitmen dalam perkahwinan dengan menjadi isteri dan ibu.

Sebelum ini, mungkin alasan yang biasa didengar ialah menabung disebabkan permintaan untuk wang hantaran.

Seterusnya, wujud fenomena baharu iaitu trend childfree — keputusan atau gaya hidup pasangan yang memilih untuk tidak mempunyai anak.

Pilihan ini dipengaruhi pelbagai faktor seperti peningkatan kesedaran tanggungjawab kewangan, kehendak untuk mengejar kerjaya dan kebebasan peribadi.

Justeru, trend tidak mahu mempunyai anak menimbulkan kebimbangan dan ia boleh memberi kesan jangka panjang kepada struktur penduduk Malaysia.

Pun begitu, faktor ini masih subjektif untuk dibincangkan dan tidak dapat ditentukan sama ada ia baik atau sebaliknya — pilihan dan situasi pasangan.

**INISIATIF KERAJAAN**

Walaupun keputusan untuk memiliki anak merupakan hak pasangan, namun keadaan sekeliling juga boleh mempengaruhi keputusan tersebut — sekiranya alasan disebabkan risau dengan keadaan ekonomi.

Misalnya, Kerajaan Sarawak menyediakan Endowment Fund Sarawak (EFS) dengan pemberian sebanyak RM1,000 dalam bentuk simpanan amanah kepada setiap kelahiran anak Sarawak bermula pada 2019, tanpa mengira bangsa, agama atau status sosioekonomi.

EFS adalah untuk membantu anakanak Sarawak sebagai persediaan bagi melanjutkan pelajaran ke pengajian tinggi, memulakan karier atau sebagai modal kecil perniagaan.

Pada masa yang sama, Bantuan Ibu Bersalin (BIB) juga disediakan dengan pemberian sebanyak RM450 dalam bentuk tunai kepada setiap ibu berstatus 'K' atau isteri kepada pemegang kad pengenalan berstatus 'K'.

Ia bagi membantu keperluan ibu selepas melahirkan anak seperti pemakanan sihat serta penjagaan diri semasa tempoh berpantang.

Ia bermula pada 2020 tanpa mengira bangsa, agama atau status sosioekonomi.

Bagi pendidikan pula, anak Sarawak berpeluang untuk mendapatkan biasiswa pendidikan melalui Yayasan Sarawak.

Malah di peringkat institusi pengajian tinggi (IPT), terdapat bantuan wang saku berjumlah RM1,200 selain inisiatif baucar buku dan komputer riba percuma untuk pelajar Sarawak dengan isi rumah dengan pendapatan per kapita RM1,500 sebulan.

Bagi pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) pula, diskaun pembayaran balik sebanyak 30 peratus diberikan sebagai insentif untuk penyelesaian penuh baki pinjaman.

Mungkin lebih banyak bantuan atau manfaat baharu yang diterima oleh anak Sarawak memandangkan wilayah ini terus berkembang dalam pembangunan dan kemajuan dari pelbagai sektor.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HIGH OPERATIONAL COST JUSTIFIES FEE HIKE, SAYS ASSOCIATION | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 12 JAN 2025 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# High operational cost justifies fee hike, says association

**PETALING JAYA:** Continuous increases in the accumulated overhead expenses for materials, food, salary and operational costs are the reasons why kindergarten fees will be increased by between 20% and 40% this year, says Association of Registered Childcare Providers Malaysia (PPBM).

PPBM president Sheila Prasad said that besides private kindergartens, the increase will also affect childcare centres that offer both education and daycare services.

Typically, a parent would need to pay RM1,200 for kindergarten fees per child, depending on their location, she said.

"Mid-level kindergarten and childcare centres usually charge monthly fees of around RM600 per child, covering meals, materials, operational costs, and staff wages.

"If the minimum wage for staff is increased, parents can expect about 20% to 40% increase in fees, depending on the location and services offered by the centre as well as the number of staff," she said when contacted.

Sheila said the increase will definitely impact low and middle income families.

